

Rabu, Apr 04 2018

Lagu anti GST: Guan Eng tak gentar

Tetap menentang GST walaupun ada usaha kaitkannya dengan jenayah

SYAJARATULHUDA
MOHAMAD ROSLI

GEORGETOWN

Ketua Menteri, Lim Guan Eng akan terus menyanyikan lagu parodi ABC dengan lirik anti GST di khalayak ramai walaupun sedang disiasat mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Guan Eng berkata, beliau tetap dengan pendirian untuk menentang GST walaupun ada usaha untuk mengaitkannya dengan kesalahan jena-

yah.

"Ini ancaman BN yang mahu memenjarakan saya selama setahun dengan menyalah saya di bawah kesalahan jenayah, saya tidak gentar. Ancaman itu tidak akan mengurangkan tentang saya terhadap GST, malah saya terus akan menyanyikan lagu anti GST di khalayak ramai.

"Siasatan ini jelas menunjukkan BN bercadang untuk terus membuli Ketua Menteri Pulau Pinang. Sedangkan, ramai lagi pemimpin Umno yang melakukan kesalahan yang lebih teruk, tetapi langsung tak ada tindakan ke atas mereka," katanya menerusi kenyataan medianya semalam.

Sebelum ini, polis membuka kertas siasatan ke atas Guan Eng kerana didakwa cuba mengeksploitasi kanak-kanak demi kepentingan po-

litik di sebuah pusat tuisyen. Guan Eng menyanyikan lagu anti GST itu pada 17 Mac lalu ketika melancarkan Pusat Tuisyen Rakyat di Flat Mutiara Idaman 2, Jelutong di sini.

Setiausaha Agung DAP itu turut mempertikaikan kertas siasatan kesnya itu disipkan dalam tempoh yang singkat seperti yang diumumkan Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk A Thaiveegan kelmarin.



Lim Guan Eng menyanyikan lagu anti GST di khalayak ramai pada 17 Mac lalu.

"Kertas siasatan ke atas saya siap dengan begitu cepat. Bagaimana pula dengan pemimpin Umno lain? Mengapa tiada tindakan ke atas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor yang membuat lawatan ke sekolah dan mengedarkan bendera, menyanyikan lagu dan melaungkan slogan Umno?" katanya.

Tambah Ahli Parlimen Bagan itu, BN amat terdesak untuk menjatuhkan kariernya sehingga setiap laporan polis dibuat ke atas mereka?" kata-

teliti dan diambil tindakan sebagai kesalahan jenayah.

"Walaupun saya sanggup dikritik kerana menyanyikan lagu anti GST di hadapan pelajar sekolah, tetapi saya tidak dapat menerima apabila saya disiasat di bawah kesalahan jenayah. Ini agak berlebihan, pilih kasih dan penyalahgunaan kuasa.

"Adakah perdana menteri, timbalan menteri, menteri dan pemimpin Umno yang lain turut dikenakan tindakan sama seperti saya bagi setiap laporan polis dibuat ke atas mereka?" kata-

info

Guan Eng menyanyikan lagu anti GST itu pada 17 Mac lalu ketika melancarkan Pusat Tuisyen Rakyat di Flat Mutiara Idaman 2.

nya.

Kelmarin, kertas siasatan kes nyanyian lagu anti GST oleh Guan Eng di hadapan kanak-kanak di Pusat Tuisyen Rakyat di Flat Mutiara Idaman 2, Jelutong telah diserahkan kepada Pejabat Timbalan Pendakwa Raya Pulau Pinang.

Kes yang disiasat mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 itu diserahkan petang kelmarin untuk tindakan lanjut untuk tujuan semakan bagi menentukan keputusan atau tindakan seterusnya.

Kertas siasatan ke atas saya siap dengan cepat. Bagaimana pula dengan pemimpin Umno yang lain? Mengapa tiada tindakan dibuat?" -Guan Eng